

U. M. 30 NOV 1972

**KUALA LUMPUR, 29 Nov.** — Kalangan peniaga dan pengusaha hari ini mengalu-alukan perlantikan Dr. Mahathir bin Mohamed sebagai pengurus baru FIMA yang akan memulakan tugasnya pada 1 Januari depan.

Mereka sependapat bahawa perlantikan itu kena pada tempatnya kerana beliau merupakan seorang yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam berbagai bidang.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Selangor, Raja Nasron bin Raja Ishak yang menyambut baik perlantikan itu berkata:

## Peluang

"Saya berharap beliau akan mengambil lebih berat terhadap bumiputra dengan memberi peluang yang sewajarnya dalam projek yang ada hubungan dengan FIMA."

Beliau menambah, "lagi pun orang yang berbakat seperti Dr. Mahathir, memang patut diletakkan di tempat yang penting dalam perusahaan makanan."

Persekutuan Pengilang Malaysia juga mengalu-alukan perlantikan beliau itu dan berpendapat ianya memang kena pada tempatnya.

"Kami percaya di bawah Dr. Mahathir FIMA akan memulakan satu sejarah baru untuk kepentingan negara," kata jurucakap persekutuan itu.

Dewan Perniagaan Cina juga meramalkan pertumbuhan itu akan menempuh masa hadapan yang lebih cerah di bawah pimpinan Dr. Mahathir.

Perlantikan Dr. Mahathir sebagai Pengurus FIMA telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dalam satu kenyataan hari ini

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Haji Talib Mahmud juga telah bersetuju dengan perlantikan itu.

Dr. Mahathir seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO akan menggantikan pengurus sekarang, Encik Jamil bin Mohamad Jan yang

akan tamat tempoh perkhidmatan pada akhir tahun ini.

Menurut kenyataan itu, perlantikan itu dibuat untuk membolehkan Encik Jamil yang juga menjadi Pengerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan (FIDA) menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha penggalakan pelaburan di bidang perindustrian.

Ini juga membolehkan Encik Jamil sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Getah Malaysia (MRDC) menumpukan perhatian untuk memajukan perusahaan getah bagi pekebun-pekebun kecil.

Sementara itu dari Pulau Pinang ketika dihubungi Dr. Mahathir memberitahu beliau bersetuju menerima perlantikan itu. Surat perlantikan itu diterimanya dari Tun Razak dua hari lalu.

Bagaimanapun Dr. Mahathir tetap akan berada di Alor Setar untuk meneruskan khidmat di kliniknya.

"Saya akan cuba menyelenggarakan tugas baru yang dipertanggungjawabkan kepada saya dari sini" kata beliau.